



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENUTUPAN INSTITUSI PENDIDIKAN  
DI KAWASAN ZON MERAH DI DAERAH BARAT DAYA,  
PULAU PINANG**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian berhubung peningkatan kes positif COVID-19 di daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Daerah ini telah disahkan sebagai zon merah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Selaras dengan perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 6 Oktober 2020 berhubung keputusan kerajaan untuk menutup sekolah di kawasan-kawasan yang disahkan zon merah oleh KKM, KPM memaklumkan bahawa semua institusi pendidikan di kawasan zon merah di daerah Barat Daya, Pulau Pinang **akan ditutup bermula 6 November 2020 sehingga 20 November 2020**. Ini melibatkan sebanyak 56 institusi pendidikan di seluruh daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Bilangan ini merangkumi sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, Kolej Vokasional serta sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM. Senarai institusi pendidikan yang ditutup di daerah Barat Daya, Pulau Pinang dilampirkan bersama-sama untuk rujukan ibu bapa, penjaga, warga sekolah dan institusi. Untuk makluman juga, senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa dan akan dimuat naik di portal KPM di [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my) dan di platform media sosial rasmi KPM.

Sekolah dan institusi yang mempunyai asrama juga ditutup. Ibu bapa atau penjaga perlu mengambil murid atau pelajar yang tinggal di asrama tersebut untuk pulang. Walau bagaimanapun, murid atau pelajar yang menunggu untuk diambil ibu bapa atau murid yang ingin terus kekal berada di asrama sekolah atau institusi sepanjang tempoh penutupan akan berada di bawah penjagaan warden asrama. Keperluan makan dan minum murid sepanjang tempoh tersebut akan disediakan oleh pihak sekolah dan institusi.

Bagi murid-murid yang perlu menduduki peperiksaan antarabangsa seperti yang telah dijadualkan sepanjang tempoh penutupan institusi pendidikan, mereka hendaklah mendapatkan surat dari sekolah masing-masing untuk menghadiri peperiksaan.

Sepanjang tempoh penutupan tersebut, pentadbir sekolah serta semua institusi pendidikan diarah untuk memastikan guru-guru, tenaga pengajar serta murid dan pelajar melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah boleh dimuat turun di portal rasmi KPM [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).

Dalam hal ini, KPM sentiasa memantau situasi di seluruh negara serta sentiasa bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM. Sebarang pemakluman berhubung penutupan sekolah dan institusi akan dibuat dari semasa ke semasa.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**4 NOVEMBER 2020**

**LAMPIRAN**  
**SENARAI INSTITUSI PENDIDIKAN YANG DITUTUP DI DAERAH BARAT DAYA,**  
**PULAU PINANG**

<b>BIL</b>	<b>KOD SEKOLAH</b>	<b>NAMASEKOLAH</b>	<b>PERINGKAT</b>
1	PBA1010	SEKOLAH KEBANGSAAN SG NIBONG	Rendah
2	PBA3001	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU MAUNG	Rendah
3	PBA3002	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS	Rendah
4	PBA3003	SEKOLAH KEBANGSAAN GENTING	Rendah
5	PBA3004	SEKOLAH KEBANGSAAN KONGSI	Rendah
6	PBA3005	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG DAMAR LAUT	Rendah
7	PBA3006	SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI AWANG HAD SALLEH	Rendah
8	PBA3007	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	Rendah
9	PBA3008	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KOROK	Rendah
10	PBA3009	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI PINANG	Rendah
11	PBA3010	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI RUSA	Rendah
12	PBA3011	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK BAHANG	Rendah
13	PBA3012	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR	Rendah
14	PBA3013	SEKOLAH KEBANGSAAN TITI TERAS	Rendah
15	PBA3014	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN BARU	Rendah
16	PBA3015	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI RELAU	Rendah
17	PBA3016	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BAYU	Rendah
18	PBA3017	SEKOLAH KEBANGSAAN MUTIARA PERDANA	Rendah
19	PBA3018	SEKOLAH KEBANGSAAN BALIK PULAU	Rendah
20	PBA3019	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BATU	Rendah
21	PBA3020	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS 2	Rendah
22	PBB3014	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PERMAI	Rendah
23	PBB3016	SEKOLAH KEBANGSAAN ST GEORGE BALIK PULAU	Rendah
24	PBC3017	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHIN HWA (PANTAI ACHEH)	Rendah
25	PBC3018	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PULAU BETONG	Rendah
26	PBC3019	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG CHENG	Rendah
27	PBC3020	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG TEIK	Rendah
28	PBC3021	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG SHAN	Rendah
29	PBC3022	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) EOK HUA	Rendah
30	PBC3023	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) POI ENG	Rendah
31	PBC3024	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SACRED HEART	Rendah

32	PBC3025	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SIN MIN	Rendah
33	PBC3026	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) TAR THONG	Rendah
34	PBC3027	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) WEN KHAI	Rendah
35	PBC3028	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YANG CHENG	Rendah
36	PBC3029	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YEOK HUA	Rendah
37	PBC3030	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU CHYE	Rendah
38	PBD3031	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) BAYAN LEPAS	Rendah
39	PBD3032	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SUNGAI ARA	Rendah
40	PEA1211	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR	Menengah
41	PEA3033	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA TUN UDA	Menengah
42	PEA3034	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BALIK PULAU	Menengah
43	PEA3035	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU MAUNG	Menengah
44	PEA3036	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELUK BAHANG	Menengah
45	PEA3037	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BAYU	Menengah
46	PEA3038	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PONDOK UPEH	Menengah
47	PEA3039	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS	Menengah
48	PEB3036	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SACRED HEART	Menengah
49	PEB3037	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST GEORGE	Menengah
50	PEB3038	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	Menengah
51	PFT3001	SMA MAAHAD AL MASHOOR AL ISLAMI	Menengah
52	PHA3001	KOLEJ VOKASIONAL BALIK PULAU	Menengah
53	PJAD001	SEKOLAH RENDAH ISLAM AL ITQAN	Swasta
54	PUBD001	FAIRVIEW INTERNATIONAL SCHOOL	Swasta
55	PUBD002	PRINCE OF WALES ISLAND INTERNATIONAL SCHOOL	Swasta
56	PUBD003	STRAITS INTERNATIONAL SCHOOL PENANG	Swasta